

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2026)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI SELASA, 18 NOVEMBER 2025, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN -**

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)  
SOALAN 1 (A96)**

Apakah kemajuan terkini projek Rumah Prihatin Johor (RPJ) dan Rumah Kasih Johor (RKJ) yang diperkenalkan sebagai produk baharu untuk golongan berpendapatan rendah terutama kawasan luar bandar?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)  
SOALAN 2 (A82)**

Apakah perancangan promosi pelaburan antarabangsa selepas misi ke UK dan AS ini, termasuk rancangan bagi lawatan balas pelabur, penyertaan dalam forum pelaburan global, dan pengukuhan hubungan dengan MIDA Overseas Centres serta wakil dagang Malaysia di luar negara?

**YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)  
SOALAN 3 (A45)**

Apakah program-program yang telah dijalankan atau bakal dijalankan bagi penglibatan Bangsa Johor di Yayasan Warisan Johor untuk tahun 2025 yang bakal memberi impak bagi Tahun Melawat Johor 2026?

**YB PUAN HAJAH NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)  
SOALAN 4 (A124)**

Apakah acara kebudayaan dan warisan bertaraf antarabangsa yang telah dirancang sempena Tahun Melawat Johor 2026?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)**

**SOALAN 5 (A106)**

Berapakah jumlah geran hak milik tanah yang telah diluluskan kepada Peneroka FELDA di seluruh Negeri Johor sehingga kini, dan berapakah pula bilangan geran hak milik bagi Generasi Baharu FELDA yang telah diserahkan?

**YB PUAN HAJAH RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 6 (A33)**

Apakah usaha kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu hak milik tanah FELDA?

**YB PUAN HAJAH RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 7 (A36)**

Apakah langkah kehadapan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah generasi kedua FELDA?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 8 (A84)**

Apakah bentuk kolaborasi strategik antara kerajaan negeri, NGO dan sektor swasta yang dirancang bagi memperkasakan golongan ibu tunggal dan wanita B40, khususnya dalam aspek peningkatan pendapatan dan kemahiran keusahawanan?

**YB TUAN TAN ENG MENG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 9 (A81)**

Berapakah jumlah peruntukan yang diluluskan bagi program Baikpulih dan Bina Baru Rumah MAINJ di seluruh Johor, termasuk di Pekan Nanas bagi tahun 2024 dan 2025? Berapa jumlah yang telah disiapkan dan apakah punca kelewatan bagi permohonan yang masih belum dilaksanakan?

**YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)**

**SOALAN 10 (A112)**

Bagaimanakah kaedah pemilihan penerima Program Baik Pulih Rumah selain ianya melibatkan semakan bersama Pejabat Daerah atau E-Kasih ?

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)**

**SOALAN 11 (A218)**

Setakat suku tahun ketiga 2025, berapa banyak rumah baru yang dibina oleh MAIJ dalam kawasan DUN Endau?

**YB PUAN HAJAH RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**

**SOALAN 12 (A32)**

Apakah jenis bantuan yang disediakan oleh MAINJ secara keseluruhan terutamanya bantuan membaiki rumah dan berapakah tempoh sebenar untuk keputusan permohonan diluluskan.

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)**

**SOALAN 13 (A24)**

Apakah status Projek Rancangan Tebatan Banjir khususnya di Daerah Segamat?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)**

**SOALAN 14 (A177)**

Mohon EXCO yang berkaitan untuk menjelaskan status terkini bagi projek RTB.

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**

**SOALAN 15 (A105)**

Apakah perancangan kerajaan untuk memastikan kelestarian infrastruktur yang ada di Sekolah Rintis Bangsa Johor dapat memberi manfaat kepada semua pihak untuk tempoh masa yang panjang? Bagaimana kerajaan memastikan infra ini digunapakai sebaik mungkin di SRBJ tanpa sebarang masalah?

**YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)**

**SOALAN 16 (A138)**

Minta dinyatakan status terkini Sekolah Rintis Bangsa Johor dan apakah kaedah yang digunakan sebagai ukuran kejayaan projek tersebut.

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**

**SOALAN 17 (A184)**

Sejauh mana keberkesanan Sekolah Rintis Bangsa Johor dalam melahirkan pelajar yang menonjol dari segi sahsiah, patriotisme dan kecemerlangan akademik?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**

**SOALAN 18 (A86)**

Tiada tawaran rumah mampu milik di Parlimen Pasir Gudang. Bilakah kerajaan negeri akan menawarkan semula rumah berharga RM150,000 ke bawah bagi membantu warga Pasir Gudang, khususnya penduduk di kawasan DUN Permas yang masih menunggu peluang memiliki kediaman sendiri?

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)**

**SOALAN 19 (A47)**

Apakah status pelaksanaan sistem MyNISe di sempadan BSI dan KSAB termasuk sejauh manakah para penggunaan menggunakan sistem tersebut?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**

**SOALAN 20 (A39)**

Apakah strategi Kerajaan Negeri Johor dalam memperkasakan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) supaya kekal relevan sebagai Projek Berimpak Tinggi (High Impact Project) di Negeri Johor?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 21 (A16)**

Adakah kerajaan negeri bercadang memperkenalkan Dasar Wanita Negeri yang menyeluruh bagi menyelaraskan segala inisiatif berkaitan wanita?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 22 (A25)**

Apakah langkah agresif terkini kerajaan negeri bagi membendung lonjakan kes HFMD di Johor terutamanya di kalangan kanak-kanak?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**

**SOALAN 23 (A64)**

Mencadangkan kepada pihak JPS untuk mengkaji semula SOP pembersihan parit-parit di kampung-kampung yang kini telah banyak mengalami mendapan jalan dan runtutan tanah akibat pengorekan parit yang dibuat sebelum ini. Secara tidak langsung ia telah meningkatkan kos baik pulih jalan tersebut.

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**

**SOALAN 24 (A41)**

Apakah langkah kerajaan negeri bagi mengembalikan peranan guru sebagai pembentuk siasah, akhlak dan nilai kepimpinan pelajar, bukan sekadar pengajar akademik, dalam usaha melahirkan generasi Johor yang berdaya fikir, beradab dan berintegriti?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 25 (A166)**

Nyatakan usaha kerajaan tempatan dalam memastikan tandas awam dalam negeri sentiasa bersih dan bertahap BMW menjelang Tahun Melawat Johor 2026 demi memastikan Imej Negeri Johor terjamin.

**YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)**

**SOALAN 26 (A93)**

Sempena tahun Melawat Johor 2026, apakah rancangan kerajaan terhadap kelancaran sistem pengangkutan awam bagi memudahkan pelancong ke destinasi pelancongan di negeri Johor?

**YB DATUK HAJI RAMLEE BIN BOHANI (KEMPAS)**

**SOALAN 27 (A129)**

Sempena tahun Melawat Johor 2026, apakah rancangan kerajaan Johor terhadap kelancaran sistem pengangkutan awam bagi kemudahan pelancong ke destinasi pelancongan di negeri Johor?

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)**

**SOALAN 28 (A63)**

Apakah kerajaan bercadang meluaskan perkhidmatan Bas Muafakat Johor secara percuma ke kawasan DUN Sungai Balang iaitu di laluan Parit Jawa hingga ke Parit Yusof, memandangkan pelajar-pelajar sekolah dapat memanfaatkan inisiatif ini kerana terdapat banyak sekolah di sepanjang laluan tersebut?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 29 (A168)**

Jelaskan keberkesanan Aplikasi Parkmax yang telah dilaksanakan di setiap majlis dan nilai hasil kutipan mengikut Majlis Kerajaan Tempatan masing-masing pada tahun 2025.

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**

**SOALAN 30 (A42)**

Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk memperkasa keusahawanan digital pertanian (agro-digital) di kawasan luar bandar seperti Bukit Nanning bagi menarik minat belia kembali ke kampung serta membangunkan sektor pertanian pintar berasaskan teknologi?

**YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)**

**SOALAN 31 (A87)**

Terdapat beberapa kampung tradisi di kawasan DUN Permas seperti Kg Plentong Baru, Kg Teluk Jawa, Kg Kuala Masai, Kg Pasir Gudang Baru, Kg Sepakat dan Masai. Apakah inisiatif kerajaan bagi menaik taraf infrastruktur kampung ini agar setaraf dengan taman-taman moden?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 32 (A14)**

Bagaimanakah kerajaan negeri memantau pelaksanaan dasar pendidikan peringkat persekutuan agar sesuai dengan konteks dan keperluan negeri?

**YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)**

**SOALAN 33 (A13)**

Berapa banyak kes salah laku guru yang dicatatkan di sekolah-sekolah negeri Johor dan apakah tindakan yang dikenakan terhadap guru bermasalah?

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)**

**SOALAN 34 (A26)**

Memandangkan Hospital Tangkak sering menghadapi kekurangan doktor pakar, apakah perancangan kerajaan negeri bersama Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menaik taraf Hospital Tangkak atau menambah kemudahan kesihatan utama di daerah ini?

**YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)**  
**SOALAN 35 (A103)**

Sektor kesihatan cukup kritikal apabila masyarakat lebih memilih Hospital Kerajaan berbanding fasiliti swasta, apakah ada perancangan kerajaan negeri untuk mengembalikan konsep Klinik 1Malaysia di lokasi-lokasi hotspot dalam negeri Johor?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2026) TAHUN 2025.**

-----  
-----  
----- ( BAHASAN YB BACK-BENCHERS ) -----  
-----  
-----

**Persidangan ditangguhkan sehingga hari Rabu, 19 November 2025, jam 9:30 pagi.**